

# Kyrgyzstan pilih nama Dr Mahathir untuk pelan ekonomi

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Isnin — Republik Kyrgyzstan, yang berpecah daripada Soviet Union dan merdeka pada 1999, menamakan pelan pembangunan 10 tahunnya sebagai 'Pelan Ekonomi Dr Mahathir'.

Ia dinamakan sempena nama Perdana Menteri kerana pelan itu disediakan Malaysia melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) dengan kerjasama Kementerian Kewangan republik itu.

Laporan itu diserahkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Presiden Kyrgyzstan, Askar Akayev ketika lawatan Perdana Menteri ke Bishkek pada September 1997.

Hari ini, Akayev yang dalam lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, mengumumkan bahawa pelan 10 tahun itu diguna pakai untuk membangunkan negaranya dengan dinamakan "Pelan Ekonomi Dr Mahathir".

Dalam pertemuan Dr Mahathir dan Akayev, diikuti mesyuarat delegasi di sini petang ini, kedua-dua pemimpin itu bersetuju untuk terus meningkatkan lagi hubungan dua hala.

Malah, buat kali pertama penerbangan terus antara Kuala Lumpur dan ibu negeri Kyrgyz, Bishkek bermula esok. Ia adalah usaha sama antara syarikat tempatan, Safuan Group Bhd

(Kumpulan Safuan) dan KR International Airlines dari Kyrgyz.

Kumpulan Safuan, syarikat Bumiputera yang terlibat dalam pembangunan hartanah, perhotelan dan kejuruteraan awam memperluaskan asas perniagaannya bagi meliputi industri penerbangan dengan mengambil alih syarikat penerbangan Kyrgyzstan, Kyrgyz International Airline (KIA).

Sempena lawatan itu, tiga memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangani iaitu antara Bank Negara Malaysia (BNM) dan National Bank of Kyrgyz membabitkan peraturan perjanjian bayaran dua hala (BPA) serta antara BNM dan Joint Stock Commercial Bank Kyrgyzstan.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat dua hala itu, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan mengenai soal membabitkan hubungan dua hala dan isu antarabangsa.

"Perkara dua hala yang dibincangkan ialah bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi hubungan dan kerjasama ekonomi. Presiden Kyrgyz mengangap Malaysia adalah negara contoh atau model pembangunan Kyrgyz.

LIHAT MUKA 2

# KL diminta terus latihan pegawai Kyrgyz

## DARI MUKA 1

“Kita juga menghantar pakar untuk memberi cadangan mengenai dasar pembangunan ekonomi yang diguna pakai Kyrgyz sebagai model untuk pembangunan ekonomi mereka dalam pelan pembangunan 10 tahun itu.

“Kedua-dua pemimpin menekankan bahawa mereka akan menjalin hubungan yang memberi manfaat untuk kedua-dua negara dan juga rakyat,” katanya.

Beliau berkata, Akayev menjadikan Malaysia sebagai model pembangunan negara itu kerana sangat kagum dengan pembangunan negara ini terutama perkembangan Putrajaya dan Cyberjaya.

Katanya, Dr Mahathir bersetuju pelan Malaysia itu untuk diguna pakai oleh republik terbabit dan bersedia untuk terus memberi bantuan kepakaran bagi tujuan membangunkan negara itu.

Akayev juga memohon supaya Kuala Lumpur meneruskan latihan untuk pegawai dan kakitangan Kyrgyz dan dipersetujui untuk memberikan bantuan melalui program kerjasama teknikal Malaysia.

Mengenai pendidikan, Syed Hamid berkata Malaysia akan turut membantu pelajar Kyrgyz setakat yang termampu.

“Kedua-dua pemimpin turut membincangkan mengenai pelaburan Malaysia di Kyrgyz. Perdana Menteri menekankan pentingnya pelaburan itu supaya tiada dasar yang boleh bertukar.

“Persekitaran iklim pelaburan mestilah baik bagi menggalakkan pelabur datang dan terus melabur di negara itu. Presiden Kyrgyz mahu Dr Mahathir terus menggalakkan pelabur Malaysia ke sana,” katanya.

Mengenai kerjasama penerbangan, Syed Hamid berkata kedua-dua pemimpin melahir rasa puas hati kerana ia akan menggalakkan lagi hubungan antara rakyat kedua-dua negara.

Penerbangan itu menggunakan Airbus D300-62R yang boleh membawa 315 penumpang dan 6,000 kilogram kargo. Bagaimanapun, belum diketahui berapa kerap penerbangan itu diadakan.